PP lwn. MUHAMMED YUSOFF RAWTHER & SATU LAGI KES

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
MUHAMMAD JAMIL HUSSIN H
[PERBICARAAN JENAYAH NO: WA-45A-72-11-2024
& WA-45-19-12-2024]
17 JUN 2025

Abstrak – *Jika versi fakta tertuduh mempunyai maklumat yang mencukupi untuk menimbulkan notis Alcontara, kewajipan dan beban terletak pada pihak pendakwaan untuk mengesahkan sama ada versi fakta itu adalah benar atau palsu. Kegagalan untuk membuat pengesahan akan mengakibatkan siasatan pihak pendakwaan tidak menyeluruh, dan mengakibatkan satu salah laksana keadilan pada tertuduh.*

UNDANG-UNDANG JENAYAH: *Kesalahan – Mengedar dadah berbahaya dan memiliki dua pucuk pistol tiruan – Barang-barang kes ditemui dalam kenderaan milik tertuduh – Prima facie – Sama ada dadah dan dua pucuk pistol yang ditemui, masing-masing, dadah berbahaya dan tiruan – Sama ada tertuduh mempunyai kawalan eksklusif atas kenderaan, seterusnya jagaan atau kawalan dan pengetahuan atas barang-barang kes – Sama ada fakta versi tertuduh menimbulkan notis Alcontara – Akta Dadah Berbahaya 1952, s. 39B(1)(a) – Akta Senjata 1960, s. 36(1)*

Berikutan panggilan telefon daripada seorang individu yang mendakwa bahawa terdapat pistol di dalam sebuah kenderaan ('Teana') yang diletakkan berhampiran Senada Residence, Bukit Kiara, Kuala Lumpur ('Senada Residence'), pihak polis, yang dianggotai 'SP1', 'SP6' dan 'SP7', melakukan serbuan di kawasan itu. Pihak polis tiba di kawasan itu pada pukul 7.25 pagi. Pada waktu itu, Teana telah diletakkan di tepi jalan, dan tiada siapa-siapa berada di dalamnya. Pada pukul 9.25 pagi, tertuduh telah keluar dari Senada Residence dan pergi ke Teana. Tertuduh kemudian berdiri di hadapan Teana lalu menekan alat kawalan jauh beberapa kali, namun, gagal membuka pintu-pintu kereta itu. Selepas SP1 memperkenalkan dirinya dan mengarahkan tertuduh menggunakan kunci manual untuk membuka pintu kereta, tertuduh berjaya membuka pintu di bahagian penumpang hadapan kereta itu. SP1 kemudian menemukan, di bawah penduduk penumpang hadapan, satu beg hitam berisi dua pucuk pistol jenis: (i) ball bearing Pietro Beretta serta satu kelopak berwarna hitam; dan (ii) revolver berjenama Smith & Wesson berwarna perak dengan hulu berwarna coklat ('dua pucuk pistol'). Usai pemeriksaan, pihak polis membawa Teana bersama-sama tertuduh ke Ibu Pejabat Kontinjen Kuala Lumpur ('IPK') untuk pemeriksaan lanjut terhadap Teana. Hasil pemeriksaan lanjut menemukan, di bahagian tempat duduk

penumpang belakang, satu bungkusan plastik hitam yang mengandungi satu ketulan mampat disyaki dadah ('ketulan mampat'). Tertuduh tidak mengaku bahawa kedua-dua jenis barang yang dijumpai tersebut adalah miliknya. Selepas barang-barang tersebut diserahkan kepada pegawai-pegawai penyiasat, 'SP12' dan 'SP13', dan dua pucuk pistol dibuat ujian serviceability oleh 'SP2', dan ahli kimia, 'SP3', menjalankan analisis pada ketulan mampat, disahkan bahawa barang-barang itu adalah dua pucuk pistol tiruan dan dadah berbahaya jenis kanabis seberat 300.1g menurut takrifan s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') ('barang-barang kes'). Susulan itu, tertuduh dihadapkan dengan dua pertuduhan, iaitu: (i) satu pertuduhan bawah s. 39B(1)(a) ADB, yang boleh dihukum bawah s. 39B(2) Akta sama, atas kesalahan mengedar dadah berbahaya ('pertuduhan pertama'); dan (ii) satu pertuduhan bawah s. 36(1) Akta Senjata 1960 atas kesalahan memiliki dua pucuk pistol tiruan ('pertuduhan kedua'). Setelah kedua-dua pertuduhan dibacakan, tertuduh tidak mengaku bersalah dan memohon bicara. Isu-isu yang timbul adalah: (i) sama ada kes *prima facie* bagi kedua-dua pertuduhan berjaya dibuktikan; dan (ii) sama ada tertuduh telah menimbulkan notis *Alcontara*, tetapi pihak polis gagal melaksanakan siasatan menyeluruh, sekaligus mengakibatkan salah laksana keadilan pada tertuduh.

Diputuskan (melepaskan dan membebaskan tertuduh daripada kedua-dua pertuduhan):

(1) Untuk pertuduhan pertama, perlu dibuktikan: (i) dadah yang dijumpai adalah dadah berbahaya; (ii) dadah itu berada dalam milikan tertuduh; dan (iii) tertuduh telah mengedar dadah itu. Manakala untuk pertuduhan kedua: (i) dua pucuk pistol yang dijumpai itu adalah tiruan; dan (ii) dua pucuk pistol itu berada dalam milikan tertuduh. (perenggan 29 & 30)

(2) Keterangan SP3 bahawa ketulan mampat itu adalah dadah berbahaya bukan satu keterangan yang sangat sukar untuk dipercayai. Oleh itu, keterangan SP3 adalah diterima, dan pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen pertama untuk pertuduhan pertama. (perenggan 34-38)

(3) SP2 telah mengesahkan dua pucuk pistol itu tidak mempunyai firing pin, breech block, trigger mechanism dan tidak boleh melepaskan tembakan dengan menggunakan amunisi peluru/round senjata api. Keterangan SP2 bahawa itu bukan senjata api yang sebenar, tetapi adalah senjata yang menggunakan gas CO^2, adalah diterima. Maka pihak pendakwaan berjaya membuktikan elemen pertama untuk pertuduhan kedua. (perenggan 40-44)

(4a) Fakta bahawa tertuduh adalah pemilik berdaftar Teana, dia berada berhampiran Teana sewaktu serbuan, dan alat kawalan jauh dan kunci kereta itu berada bawah kawalannya, tidak menjadikan apa-apa yang dijumpai di dalam Teana miliknya. Tiada keterangan menunjukkan

tertuduh telah memasukkan beg dan bungkusan plastik hitam ke dalam Teana. Tambahan lagi, keterangan SP1 bahawa tertuduh telah menggunakan kunci manual untuk membuka pintu penumpang hadapan Teana tidak boleh dipercayai. Ini kerana, pintu tersebut tidak mempunyai lubang kunci. Kejadian itu juga tidak dilihat oleh SP7. (perenggan 52, 54 & 55)

(4b) Beberapa keadaan dalam kes ini menimbulkan pelbagai persoalan dan kemungkinan. Antara lain, jurang masa lebih kurang sembilan jam menimbulkan persoalan sama ada tertuduh mempunyai kawalan eksklusif atas Teana atau kemungkinan individu lain turut mempunyai akses terhadap Teana. Selain itu, serbuan dilakukan berdasarkan maklumat yang spesifik. Muncul persoalan bagaimana pemberi maklumat boleh mengetahui tentang keberadaan pistol di dalam Teana yang diletakkan berhampiran Senada Residence. Terdapat kemungkinan barang-barang kes sebenarnya telah diletakkan oleh pemberi maklumat. Oleh kerana keterangan yang dikemukakan pihak pendakwaan tidak mampu menjawab persoalan dan kemungkinan ini, wujud jurang dalam kes pihak pendakwaan. Berikutan itu, pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh mempunyai kawalan eksklusif atas Teana, seterusnya jagaan atau kawalan atas barang-barang kes. (perenggan 59-61, 64 & 69)

(5) Tiada inferens dapat dibuat bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan atas barang-barang kes. Ini kerana, tiada keterangan menunjukkan tertuduh telah memasukkan beg dan bungkusan plastik hitam ke dalam Teana, dan kedudukan di mana beg dan bungkusan plastik hitam dijumpai adalah tersembunyi dan bukan tertuduh yang telah menunjukkan keberadaan barangan-barangan kes itu. Selain itu, selepas beg dan bungkusan plastik hitam itu ditemui, tertuduh tidak menunjukkan apa-apa reaksi atau berada dalam keadaan yang mencurigakan. Malah, tertuduh telah memberitahu SP1 bahawa beg dan bungkusan plastik hitam itu bukan miliknya. Kelakuan tertuduh tersebut adalah selaras fakta dia tidak mempunyai pengetahuan tentang barang-barang kes. Susulan tiada inferens yang dapat dibuat tertuduh mempunyai pengetahuan terhadap barang-barang kes, pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh mempunyai milikan atas barang-barang kes. Elemen kedua untuk kedua-dua pertuduhan tidak dibuktikan oleh pihak pendakwaan. (perenggan 71-74 & 78)

(6) Oleh kerana tertuduh tidak mempunyai milikan atas dadah berbahaya, anggapan pengedaran bawah s. 37(da) ADB tidak boleh digunakan. Kesannya, pihak pendakwaan gagal membuktikan elemen ketiga pertuduhan pertama. (perenggan 81)

(7) Pengataan tertuduh dia adalah mangsa yang diperangkap oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador adalah fakta versinya. Fakta versi itu mempunyai maklumat yang mencukupi untuk satu notis *Alcontara*, maka, kewajipan dan beban terletak pada pihak pendakwaan untuk menyemak sama ada fakta versi tertuduh adalah benar atau palsu. Siasatan seharusnya dijalankan oleh pihak polis kerana itu boleh memberikan keadilan pada tertuduh jika fakta versinya benar, manakala jika sebaliknya, nama Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador dapat dibersihkan. Pihak polis mempunyai masa yang secukupnya untuk melakukan siasatan, dan fakta versi itu selaras dengan maklumat spesifik yang diberi pemberi maklumat, namun, tiada siasatan telah dilakukan SP12 dan SP13. Kegagalan mereka untuk membuat siasatan menjejaskan hak tertuduh mendapatkan perbicaraan yang adil. Oleh itu, satu salah laksana keadilan dilakukan terhadap tertuduh. (perenggan 85-86, 89 & 92-94)

(8) Pihak pendakwaan gagal membuktikan kes *prima facie* untuk kedua-dua pertuduhan. Sehubungan itu, tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri. (perenggan 96 & 98)

Kes-kes yang dirujuk:

Abdullah Zawawi Yusoff v. PP [1993] 4 CLJ 1 SC ***(dirujuk)***
Ahmad Azhari Ahmad Zaini v. PP & Other Appeals [2015] 1 CLJ 157 CA ***(dirujuk)***
Alcontara Ambross Anthony v. PP [1996] 1 CLJ 705 FC ***(dirujuk)***
Balachandran v. PP [2005] 1 CLJ 85 FC ***(dirujuk)***
Chan Pean Leon v. PP [1956] 22 MLJ 237 ***(dirujuk)***
Ekene Boniface Ochiada v. PP [2018] 5 CLJ 17 CA ***(dirujuk)***
Ibrahim Mohamad & Anor v. PP [2011] 4 CLJ 113 FC ***(dirujuk)***
Low Thiam Teck v. PP [2014] CLJU 1104; [2014] 1 LNS 1104 CA ***(dirujuk)***
Munusamy Vengadasalam v. PP [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221 SC ***(dirujuk)***
Parlan Dadeh v. PP [2009] 1 CLJ 717 FC ***(dirujuk)***
PP v. Kwek Chen Wei [2022] CLJU 2229 HC ***(dirujuk)***
PP v. Lin Lian Chen [1992] 4 CLJ 2086; 1992] 1 CLJ (Rep) 285 SC ***(dirujuk)***
PP v. Mohamed Kassim Yatim [1976] CLJU 105; [1976] 1 LNS 105 HC ***(dirujuk)***
PP v. Mohd Radzi Abu Bakar [2006] 1 CLJ 457 FC ***(dirujuk)***
PP v. Salleh Zakaria & Anor [2010] 4 CLJ 671 CA ***(dirujuk)***
Rahmani Ali Mohamad v. PP [2014] 7 CLJ 405 CA ***(dirujuk)***
Rengarajan Thangavelu v. PP [2015] 1 CLJ 993 CA ***(dirujuk)***
Roslan Hanapi v. PP [2015] 6 CLJ 464 CA ***(dirujuk)***
Tan Chun Cheng v. PP & Another Appeal [2020] CLJU 1089; [2020] 1 LNS 1089 CA ***(dirujuk)***
Thivasalim Abdul Majeed v. PP [2014] 2 CLJ 963 CA ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:

Arms Act 1960, s. 2
Criminal Procedure Code, s. 180(1)
Dangerous Drugs Act 1952, ss. 2, 37(da)

Bagi pihak pendakwaan - Mohd Sabri Othman, Sharizat Hamdan & Havvid Rajagopal; TPR

Bagi pihak tertuduh - Muhammad Rafique, Gurdial Singh Nijar, Takiyuddin Hassan, Vam Shir Mooi, Abraham Au, Siti Nur Athirazati Rohaizad & Mohd Redzuan Mohamed Yusoff; T/n Law Practice of Rafique

Peguam Pemerhati Badan Peguam Malaysia - Sivaraj Retinasekharan; T/n Sivaraj Retinasekharan

Dilaporkan oleh Syamim Ariffin

PENGHAKIMAN

Muhammad Jamil Hussin H:

Pengenalan

[1] Tertuduh Muhammed Yusoff Rawther dituduh dengan dua pertuduhan.

[2] Dalam kes Perbicaraan Jenayah No: WA-45A-72-11/2024 (Kes No.72) pertuduhan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 06/09/2024 jam lebih kurang 10.15 pagi bertempat di kawasan tempat letak kereta hadapan surau IPK Kuala Lumpur, dalam Daerah Dang Wangi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu cannabis 300.1 gram. Oleh itu kamu telah melakukan satu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama.

[3] Dalam kes Perbicaraan Jenayah No: WA-45-19-12/2024 (Kes No. 19) pertuduhan terhadap tertuduh adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 6 September 2024 jam lebih kurang 9.25 pagi di tepi jalan berhampiran Kondominium Senada, Jalan Bukit Kiara 1, Bukit Kiara, 60000 Kuala Lumpur di dalam daerah Brickfields, dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur memiliki dua pucuk pistol tiruan, iaitu:
>
> (i) Satu pucuk pistol bearing ball jenis Pietro Beretta berserta satu kelopak warna hitam; dan
>
> (ii) Satu pucuk pistol Revolver jenama Smith & Wesson warna perak berhulu warna coklat,
>
> yang merupakan satu kesalahan di bawah seksyen 36(1) Akta Senjata 1960 yang boleh dihukum di bawah seksyen yang sama bagi Akta yang sama.

[4] Tertuduh minta dibicarakan dan kedua-dua kes dibicarakan bersama.

Kes Pendakwaan

[5] Naratif kes pendakwaan daripada keterangan yang dikemukakan ketika perbicaraan bolehlah diringkaskan seperti berikut:

[6] Pada 6 September 2024 jam lebih kurang 5 pagi, Inspektor Wan Muhammad bin Wan Ali (SP1) terima panggilan telefon daripada seorang lelaki memberikan maklumat mengenai pistol dalam kereta Nissan Teana warna biru gelap nombor pendaftaran PMH 6391 (kereta Teana) yang diparkir di tepi jalan berhampiran Senada Residences, Jalan Bukit Kiara 1, Bukit Kiara Kuala Lumpur.

[7] Pada jam lebih kurang 7.25 pagi SP1 dan pasukan serbuan termasuk Koperal Amirul Azwa bin Zahari (SP6), Sarjan Chong Choon Khen (SP7) dan Koperal Nik Azuan bin Nik Samsudin (Koperal Nik Azuan) tiba di lokasi tersebut. SP1 temui kereta Teana yang diparkir di tepi jalan tetapi tiada orang di dalamnya.

[8] SP1 dan pasukan serbuan membuat pemerhatian. Tiada orang menghampiri kereta Teana. Pada jam lebih kurang 9.25 pagi, tertuduh berjalan keluar daripada Senada Residences dan menghampiri kereta Teana. Tertuduh berdiri di bahagian pintu pemandu.

[9] Ketika SP1 menghampiri kereta Teana tertuduh sedang tekan alat kawalan jauh beberapa kali tetapi pintu pemandu tidak boleh dibuka. SP1 kenalkan diri sebagai pegawai polis. Tertuduh berkata pintu pemandu tidak boleh dibuka. SP1 arah anggota pasukan serbuan buka pintu lain tetapi tidak boleh dibuka. SP1 arah tertuduh guna kunci manual untuk buka pintu pemandu tetapi tidak boleh dibuka.

[10] SP1 arah tertuduh guna kunci manual pada pintu penumpang hadapan kereta Teana. SP7 iring tertuduh ke pintu penumpang hadapan. Tertuduh berjaya buka pintu penumpang hadapan menggunakan kunci manual. Tertuduh masuk ke dalam kereta dan buka pintu pemandu dari dalam. Tertuduh mengambil kad pengenalan yang berada dalam kereta dan serahkan kepada SP1. Tertuduh keluar semula dari kereta.

[11] SP1 membuat pemeriksaan ke atas kereta Teana dengan disaksikan tertuduh. SP1 menjumpai satu beg hitam (P 28A(1)) di bawah tempat duduk penumpang hadapan. SP1 tanya tertuduh "beg siapa, ada apa". Tertuduh menjawab "saya tak tahu ini bukan beg saya".

[12] SP1 buka zip beg hitam dan menjumpai satu pucuk pistol ball bearing jenis Pietro Beretta (P 28A (2)) beserta satu kelopak warna hitam (P 28A(3)) dan satu pucuk pistol revolver jenama Smith & Wesson warna perak berhulu warna coklat (P 28A(4)). SP1 merampas dua pucuk pistol tersebut.

[13] Selesai pemeriksaan tertuduh dan kereta Teana dibawa ke IPK Kuala Lumpur dan diparkir di hadapan surau.

[14] SP1 membuat pemeriksaan lanjut ke atas kereta Teana dengan disaksikan tertuduh. SP1 arahkan SP6 dan Koperal Nik Azuan buka tempat duduk penumpang belakang.

[15] Koperal Nik Azuan membuka dan mengangkat tempat duduk penumpang belakang. SP6 melihat satu bungkusan plastik hitam di bawah tempat duduk yang dibuka. SP6 mengambil bungkusan tersebut dan serahkan kepada SP1.

[16] SP1 tunjuk bungkusan tersebut kepada tertuduh dan tertuduh berkata "bukan barang saya".

[17] SP1 membuka bungkusan tersebut dan menjumpai satu ketulan mampat disyaki dadah. SP1 menangkap tertuduh dan merampas bungkusan tersebut.

[18] SP1 membawa barang kes dua pucuk pistol, barang kes disyaki dadah dan tertuduh ke pejabat IPK Kuala Lumpur untuk tindakan lanjut.

[19] SP1 menyerahkan barang kes dua pucuk pistol kepada pegawai penyiasat Inspektor Aiman bin Mohd Suhaimi (SP12) dan barang kes disyaki dadah kepada pegawai penyiasat Inspektor Muhammad Zuhairi bin Md Zuhir (SP13).

[20] Barang kes dua pucuk pistol dihantar kepada Sarjan Mohd Hafieh bin Md Sharif (SP2) untuk dibuat ujian service ability dan barang kes disyaki dadah dihantar ke Jabatan Kimia untuk dianalisis.

[21] SP2 mengesahkan kedua-dua pucuk pistol bukan senjata api sebenar ia adalah senjata yang menggunakan gas CO^2.

[22] Ahli kimia Harlisa binti Haidir Harminder (SP3) mengesahkan satu ketulan mampat bahan tumbuhan adalah kanabis berat bersih 300.1 gram. kanabis seperti ditakrifkan di bawah s. 2 Akta Dadah Berbahaya 1952 (ADB).

[23] Tertuduh adalah pemilik berdaftar kereta Teana (P 45B).

Tanggungjawab Mahkamah Pada Akhir Kes Pendakwaan

[24] Tanggungjawab mahkamah pada akhir kes pendakwaan ialah untuk menimbang sama ada pihak pendakwaan telah membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh (lihat s. 180(1) Kanun Tatacara Jenayah (KTJ)).

[25] Mahkamah mesti membuat suatu penilaian maksimum terhadap kebolehpercayaan dan kebergantungan ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan (lihat *Balachandran v. PP* [2005] 1 CLJ 85; *PP v. Mohd Radzi Abu Bakar* [2006] 1 CLJ 457).

[26] Seksyen 180(4) KTJ memperuntukkan "bagi maksud seksyen ini, suatu kes *prima facie* adalah dibuat terhadap tertuduh di mana pihak pendakwaan telah mengemukakan keterangan boleh dipercayai yang membuktikan setiap satu elemen kesalahan yang mana jika tidak dipatahkan atau diterangkan akan mewajarkan suatu sabitan".

A **Keputusan Pada Akhir Kes Pendakwaan**

[27] Saya telah membuat suatu penilaian maksimum terhadap kebolehpercayaan dan kebergantungan ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan.

B **[28]** Saya telah menimbang hujahan bertulis dan hujahan lisan peguam tertuduh dan hujahan bertulis, hujahan balasan bertulis dan hujahan lisan Timbalan Pendakwa Raya (TPR) serta nas undang-undang yang dirujuk.

[29] Bagi Kes No:72 untuk membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh, pihak pendakwaan mesti membuktikan elemen kesalahan berikut:

C (i) dadah tersebut adalah dadah berbahaya;

(ii) dadah tersebut dalam milikan tertuduh; dan

(iii) tertuduh mengedar dadah tersebut.

D **[30]** Bagi Kes No: 19 untuk membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh, pihak pendakwaan mesti membuktikan elemen kesalahan berikut:

(i) dua pucuk pistol tersebut adalah tiruan; dan

(ii) dua pucuk pistol tersebut dalam milikan tertuduh.

E *Elemen (i): Dadah Tersebut Adalah Dadah Berbahaya (Kes No: 72) Dan Dua Pucuk Pistol Tersebut Adalah Tiruan (Kes No: 19)*

[31] Peguam tertuduh tidak membangkitkan apa-apa isu berhubung elemen (i) bagi kedua-dua pertuduhan.

F **[32]** Dalam apa jua keadaan, saya dapati tiada isu mengenai identiti barang kes dadah dan dua pucuk pistol tersebut. Saya juga dapati rantaian pergerakan barang kes dadah dan dua pucuk pistol tersebut daripada waktu dirampas hingga dikemukakan dalam mahkamah dibuat tanpa terputusnya apa-apa rantaian keterangan.

G **[33]** Elemen dadah tersebut adalah dadah berbahaya dibuktikan menerusi keterangan SP3 yang membuat analisis ke atas barang kes dadah.

[34] SP3 mengesahkan jenis dan berat barang kes dadah iaitu kanabis seberat 300.1 gram.

H **[35]** Kanabis seperti ditakrifkan di bawah s. 2 ADB.

[36] Kanabis merupakan dadah berbahaya yang disenaraikan dalam Jadual Pertama ADB.

I

[37] Mahkamah berhak untuk terima keterangan ahli kimia atas nilai muka melainkan keterangannya sangat mustahil untuk dipercayai atau pembelaan memanggil keterangan menyangkal oleh pakar lain (lihat *Munusamy Vengadasalam v. PP* [1987] 1 CLJ 250; [1987] CLJ (Rep) 221; [1987] 1 MLJ 492). Saya terima keterangan SP3. Keterangan SP3 bukan sangat sukar untuk dipercayai.

[38] Pihak pendakwaan telah membuktikan elemen (i) bagi Kes No. 72 bahawa dadah tersebut adalah dadah berbahaya.

[39] Takrif senjata tiruan di bawah s. 2 Akta Senjata 1960 ialah:

> apa-apa yang berupa atau dicadang untuk memberi sangkaan sebagai suatu senjata sama ada atau tidak melepaskan sesuatu letusan, peluru, bedilan, cecair berbahaya, gas atau lain-lain benda.

[40] Elemen dua pucuk pistol tersebut adalah tiruan dibuktikan menerusi keterangan SP2 yang membuat pemeriksaan fizikal ke atas barang kes dua pucuk pistol.

[41] SP2 mengesahkan dua pucuk pistol tersebut tidak mempunyai firing pin, breech block, trigger mechanism dan tidak boleh dilepaskan tembakan dengan amunisi peluru/round senjata api.

[42] Menurut SP2 dua pucuk pistol tersebut bukan senjata api sebenar ia adalah senjata yang menggunakan gas CO^2.

[43] Saya terima keterangan SP2.

[44] Pihak pendakwaan telah membuktikan elemen (i) bagi kes 19 bahawa dua pucuk pistol tersebut adalah tiruan.

Elemen (ii): Dadah Tersebut Dalam Milikan Tertuduh (Kes No: 72) Dan Dua Pucuk Pistol Tersebut Dalam Milikan Tertuduh (Kes No: 19)

[45] Bagi membuktikan milikan, pihak pendakwaan mesti menunjukkan tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dadah dan dua pucuk pistol tersebut dan tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dadah dan dua pucuk pistol tersebut.

[46] Jagaan dan kawalan merujuk kepada keadaan di mana seseorang itu mempunyai kuasa untuk berurusan dengan sesuatu benda itu sebagai kepunyaannya dengan mengecualikan semua orang lain (lihat *Chan Pean Leon v. PP* [1956] 22 MLJ 237).

[47] Kewujudan pengetahuan selalunya adalah suatu perkara inferens daripada hal keadaan kes itu (lihat *Parlan Dadeh v. PP* [2009] 1 CLJ 717).

[48] Hujahan peguam tertuduh:

(i) milikan tertuduh ke atas dadah dan dua pucuk pistol tersebut gagal dibuktikan:

(a) jagaan dan kawalan tertuduh ke atas dadah dan dua pucuk pistol tersebut gagal dibuktikan:

(1) sebelum tangkapan tertuduh tidak pernah memandu atau mengawal kereta Teana dan ketika tangkapan tertuduh berada di luar kereta Teana;

(2) kereta Teana didaftarkan atas nama tertuduh dan kunci kereta Teana berada di tangan tertuduh ketika serbuan tidak cukup membuktikan tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan ke atas kereta Teana, dadah dan dua pucuk pistol;

(3) terdapat jurang masa dari 5 September 2024 jam 10.30 malam hingga 6 September 2024 jam 7.30 pagi untuk sesiapa sahaja akses kepada kereta Teana;

(4) alat kawalan jauh rosak dan tidak boleh buka pintu kereta Teana;

(5) terdapat gajet untuk jemkan fungsi alat kawalan jauh kereta dan pintu kereta boleh dibuka;

(6) dalam kes *Roslan Hanapi v. PP* [2015] 6 CLJ 464; *PP v. Salleh Zakaria & Anor* [2010] 4 CLJ 671 dan *Tan Chun Cheng v. PP & Another Appeal* [2020] CLJU 1089; [2020] 1 LNS 1089; [2020] MLRAU 156 mahkamah memutuskan hanya berdasarkan kepada nama pemilik dan atau kunci di tangan dan atau berhampiran dengan kereta tidak cukup meletakkan jagaan dan kawalan pada tertuduh-tertuduh.

(b) pengetahuan tertuduh ke atas dadah dan dua pucuk pistol tersebut gagal dibuktikan:

(1) dadah dan dua pucuk pistol tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Penemuan dadah dan dua pucuk pistol bukan dipandu arah atau ditunjukkan oleh tertuduh;

(2) alat kawalan jauh yang rosak menunjukkan orang lain telah jemkannya, buka pintu dan letakkan dadah dan dua pucuk pistol dalam kereta Teana;

(3) pendakwaan gagal buktikan dalam jurang masa tersebut hanya tertuduh mempunyai milikan eksklusif dan atau akses ke atas kereta Teana;

(4) kereta Teana didaftarkan atas nama tertuduh dan kunci kereta berada di tangan tertuduh ketika serbuan tidak cukup membuktikan tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dadah dan dua pucuk pistol;

(5) maklumat yang diterima polis adalah tip-off yang spesifik dan tepat mengenai kereta Teana termasuk lokasi diparkir;

(6) dalam kes *Ibrahim Mohamad & Anor v. PP* [2011] 4 CLJ 113; *Ahmad Azhari Ahmad Zaini v. PP & Other Appeals* [2015] 1 CLJ 157; *Low Thiam Teck v. PP* [2014] CLJU 1104; [2014] 1 LNS 1104; [2014] 7 MLRA 505; *Thivasalim Abdul Majeed v. PP* [2014] 2 CLJ 963 dan *PP v. Lin Lian Chen* [1992] 4 CLJ 2086; 1992] 1 CLJ (Rep) 285 mahkamah memutuskan tiada pengetahuan boleh dikaitkan pada tertuduh-tertuduh walaupun tertuduh-tertuduh ditangkap dan atau ditahan dalam kereta dan atau pernah berada dalam kereta di mana dadah dijumpai.

[49] Hujahan TPR:

(i) tertuduh mempunyai milikan ke atas dadah dan dua pucuk pistol tersebut:

(a) tertuduh mempunyai jagaan dan kawalan ke atas dadah dan dua pucuk pistol tersebut:

(1) tertuduh mempunyai kawalan eksklusif ke atas kereta Teana dan mempunyai jagaan dan kawalan ke atas benda di dalamnya. Kereta Teana milik tertuduh. Alat kawalan jauh dan kunci kereta Teana dalam milikan tertuduh. Tertuduh bersebelahan kereta Teana ketika serbuan. Kad pengenalan tertuduh dalam kereta Teana. Tertuduh membuka pintu penumpang hadapan kereta Teana;

(2) tiada sesiapa yang boleh akses kepada kereta Teana melainkan tertuduh sendiri. Tiada mana-mana individu menghampiri dan membuka pintu kereta Teana. Tertuduh seorang sahaja menghampiri kereta Teana dan cuba membuka pintu kereta Teana menggunakan alat kawalah jauh;

(3) dadah dijumpai di ruang yang tersembunyi di bawah tempat duduk belakang kereta Teana dan dua pucuk pistol dijumpai dalam beg hitam yang disembunyikan di bawah tempat duduk penumpang hadapan kereta Teana;

(4) sebagai pemilik tertuduh sahaja boleh buka pintu kereta Teana dan tahu di mana benda miliknya disimpan dan disembunyikan;

A (5) tindakan tertuduh menyimpan dadah di ruang tersembunyi menunjukkan tertuduh ingin menyembunyikan dadah tersebut daripada dikesan oleh mana-mana pihak dan kes *Ekene Boniface Ochiada v. PP* [2018] 5 CLJ 17 adalah relevan.

B (b) tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dadah dan dua pucuk pistol tersebut.

(1) dadah disembunyikan di bawah tempat duduk penumpang belakang kereta Teana. Sebagai pemilik tertuduh sahaja tahu untuk membuka tempat duduk penumpang belakang kereta Teana;

C (2) tertuduh sahaja yang tahu di ruang mana untuk sembunyikan dadah tersebut dan tahu di mana dadah tersebut disembunyikan.

(3) tindakan tertuduh menyembunyikan dua pucuk pistol di bawah tempat duduk penumpang hadapan kereta Teana menunjukkan tertuduh mempunyai pengetahuan;

D (4) tertuduh sahaja tahu di ruang mana untuk sembunyikan dua pucuk pistol tersebut.

Jagaan Atau Kawalan

E **[50]** Tidak dipertikaikan bahawa pemeriksaan ke atas kereta Teana di tepi Jalan Bukit Kiara 1, Bukit Kiara Kuala Lumpur SP1 menjumpai di bawah tempat duduk penumpang hadapan satu beg hitam mengandungi dua pucuk pistol dan pemeriksaan lanjut ke atas kereta Teana di tempat parkir IPK Kuala Lumpur SP6 menjumpai di bawah tempat duduk penumpang belakang
F yang dibuka satu bungkusan plastik hitam mengandungi dadah.

[51] Memang benar kereta Teana didaftarkan atas nama tertuduh, kereta Teana milik tertuduh, alat kawalan jauh dan kunci kereta Teana dalam milikan tertuduh, tertuduh berhampiran kereta Teana, kad pengenalan
G tertuduh di dalam kereta Teana dan tertuduh membuka pintu penumpang hadapan kereta Teana.

[52] Fakta bahawa tertuduh pemilik berdaftar kereta Teana tidak bermakna apa-apa yang dijumpai dalam kereta Teana adalah kepunyaannya. Hanya kerana tertuduh berhampiran dengan kereta Teana yang mana dua pucuk
H pistol dan dadah dijumpai tidak boleh disamakan kepada pemilikan ke atasnya. Tiada keterangan menunjukkan tertuduh membawa masuk ke dalam kereta Teana beg hitam mengandungi dua pucuk pistol dan bungkusan plastik hitam mengandungi dadah.

[53] Dalam *Tan Chun Cheng v. PP & Another Appeal* [2020] CLJU 1089;
I [2020] 1 LNS 1089; [2020] MLRAU 156, Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> [23] ... The fact is that the 1st appellant is the registered owner of the Myvi. However, that by itself does not mean that anything and everything found inside the car necessarily belongs to the owner.
>
> ...
>
> [30] In the present case, the appellants were both seated in the Myvi car within the drugs were found. Mere proximity to the thing seized does not necessarily equate to possession of it.

[54] Fakta bahawa alat kawalan jauh dan kunci kereta Teana dalam milikan tertuduh dan kad pengenalan tertuduh dalam kereta Teana tidak bermakna apa-apa yang dijumpai dalam kereta Teana adalah kepunyaannya. Tiada keterangan menunjukkan tertuduh membawa masuk ke dalam kereta Teana beg hitam mengandungi dua pucuk pistol dan bungkusan plastik hitam mengandungi dadah.

[55] Keterangan SP1 bahawa tertuduh berjaya buka pintu penumpang hadapan menggunakan kunci manual tidak boleh dipercayai. Ini disebabkan pintu penumpang hadapan tidak mempunyai lubang kunci dan mustahil kunci manual boleh dimasukkan pada lubang kunci. SP7 tidak lihat tertuduh buka pintu penumpang hadapan menggunakan kunci manual. Dalam apa jua keadaan, walaupun tertuduh yang buka pintu penumpang hadapan, ia tidak boleh tunjukkan kaitan tertuduh dengan dua pucuk pistol dan dadah tersebut. Tertuduh buka pintu penumpang hadapan selepas diarahkan oleh SP1. Tertuduh tidak tunjukkan beg hitam mengandungi dua pucuk pistol dan bungkusan plastik hitam mengandungi dadah kepada SP1.

[56] Pada pandangan saya, berdasarkan keterangan ini sahaja dan tanpa keterangan lain, tidak boleh dibuat suatu kesimpulan munasabah bahawa tertuduh mempunyai kawalan eksklusif ke atas kereta Teana dan mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut yang dijumpai dalam kereta Teana.

[57] Ini disebabkan terdapatnya keadaan-keadaan tertentu dalam kes ini yang menidakkan (negate) kawalan eksklusif tertuduh ke atas kereta Teana dan jagaan atau kawalan tertuduh ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[58] Keadaan-keadaan tertentu dalam kes ini ialah:

(i) jurang masa lebih kurang sembilan jam dari waktu kereta Teana diparkir pada 5 September 2024 jam lebih kurang 10.30 malam dan waktu SP1 tiba di lokasi serbuan pada 6 September 2024 jam lebih kurang 7.25 pagi;

(ii) SP1 terima maklumat spesifik mengenai pistol dalam kereta Nissan Teana warna biru gelap nombor pendaftaran PMH 6391 yang diparkir di tepi Jalan Bukit Kiara 1, Bukit Kiara Kuala Lumpur;

(iii) ketika ditahan tertuduh berada di luar kereta Teana dan bukan di dalam kereta Teana.

(iv) alat kawalan jauh dan kunci manual yang digunakan tertuduh tidak boleh buka pintu pemandu kereta Teana.

[59] Keadaan-keadaan tertentu dalam kes ini menimbulkan pelbagai persoalan dan kemungkinan.

[60] Jurang masa lebih kurang sembilan jam itu menimbulkan persoalan sama ada tertuduh mempunyai kawalan eksklusif ke atas kereta Teana atau kemungkinan individu lain boleh akses kepada kereta Teana.

[61] Serbuan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pemberi maklumat. Pemberi maklumat memberikan maklumat spesifik. Ini menimbulkan persoalan bagaimana pemberi maklumat boleh mengetahui mengenai pistol dalam kereta Nissan Teana warna biru gelap nombor pendaftaran PMH 6391 yang diparkir di tepi Jalan Bukit Kiara 1, Bukit Kiara Kuala Lumpur. Kemungkinan pemberi maklumat yang meletakkan dua pucuk pistol dan atau dadah dalam kereta Teana. Kereta Teana diparkir tepi jalan dan selepas diparkir tertuduh tidak berada dalam kereta Teana. Mana-mana orang mempunyai akses kepada kereta Teana. Tidak mungkin tertuduh sendiri yang menyembunyikan dua pucuk pistol dan dadah tersebut dalam keretanya.

[62] Dalam *Abdullah Zawawi Yusoff v. PP* [1993] 4 CLJ 1, Mahkamah Agung menyatakan seperti berikut:

> But, one of the crucial points in the case was, whether the drugs might have been planted in the box, since the house was, as the Judge himself found, still under construction.
>
> Another distinct possibility-not considered by the Judge-was that the informer upon whose tip off the raid on the appellant's house had been conducted might have planted the drugs in the box. This does not seem to us a fanciful possibility, bearing in mind that the house was still under construction and unfenced at the material time, and both the appellant and his wife were engaged in trade which took them out of doors; he has a carpenter engaged in building a house at Kg. Lembaga for one Tok Haji Omar and she as a coffee stall holder at Gua Musang from 6 in the morning until 12 noon and again from 2.30 in the afternoon until 10.00 at night.

[63] Ketika ditahan tertuduh berada di luar kereta Teana dan bukan di dalam kereta Teana. Alat kawalan jauh dan kunci manual yang digunakan tertuduh tidak boleh buka pintu pemandu kereta Teana. Anggota pasukan serbuan juga tidak boleh buka pintu lain kereta Teana. Ini menimbulkan persoalan sama ada tertuduh mempunyai kawalan eksklusif ke atas kereta Teana dan mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[64] Keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan tidak boleh menjawab persoalan dan kemungkinan tersebut. Tiada keterangan lain yang boleh menjawab persoalan dan kemungkinan tersebut. Oleh itu, wujud jurang (gap) dalam kes pendakwaan berkenaan kawalan eksklusif tertuduh ke atas kereta Teana dan jagaan atau kawalan tertuduh ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut. Pihak pendakwaan tidak boleh mengisi jurang berkenaan kawalan eksklusif tertuduh ke atas kereta Teana dan jagaan atau kawalan tertuduh ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut sehinggalah kes mereka ditutup. Dan tertuduh tidak seharusnya dipanggil membela diri hanya semata-mata untuk mengisi jurang dalam kes pendakwaan.

[65] Memandangkan keadaan-keadaan tertentu dalam kes ini dan tiada keterangan lain, maka tertuduh tidak mempunyai kawalan eksklusif ke atas kereta Teana dan tidak mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[66] Tiada keterangan menunjukkan hanya tertuduh sahaja yang mempunyai kuasa untuk berurusan dengan dua pucuk pistol dan dadah tersebut sebagai kepunyaannya dengan mengecualikan semua orang lain.

[67] Keterangan terhadap tertuduh hanya menunjukkan syak wasangka besar (grave suspicion) dan tidak mencukupi untuk membuktikan tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut. Syak wasangka walaupun kuat tidak boleh menggantikan bagi kes *prima facie* (lihat *PP v. Mohamed Kassim Yatim* [1976] CLJU 105; [1976] 1 LNS 105; [1977] 1 MLJ 64).

[68] Saya dapati tertuduh tidak mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[69] Pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

Pengetahuan

[70] Saya tidak setuju dengan hujahan TPR bahawa beg hitam mengandungi dua pucuk pistol tersebut yang disembunyikan di bawah tempat duduk penumpang hadapan dan bungkusan plastik hitam mengandungi dadah disembunyikan di bawah tempat duduk penumpang belakang menunjukkan tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[71] Tiada keterangan menunjukkan tertuduh membawa masuk ke dalam kereta Teana beg hitam mengandungi dua pucuk pistol dan bungkusan plastik hitam mengandungi dadah dan sembunyikan di tempat tersebut. Oleh itu, inferens tidak boleh dibuat bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut hanya disebabkan ia disembunyikan di tempat tersebut.

[72] Beg hitam mengandungi dua pucuk pistol berada di bawah tempat duduk penumpang hadapan dan bungkusan plastik hitam mengandungi dadah berada di bawah tempat duduk penumpang belakang kereta Teana. Tempat tersebut bukan tempat terbuka. Beg hitam dan bungkusan tersebut dalam keadaan tersembunyi dan tidak boleh dilihat dengan mata kasar. Tertuduh tidak tunjukkan beg hitam dan bungkusan tersebut kepada SP1.

[73] Selepas beg hitam dan bungkusan plastik hitam tersebut dijumpai tertuduh tidak tunjukkan sebarang reaksi. Tiada keterangan menunjukkan tertuduh dalam keadaan mencurigakan. Sebaliknya tertuduh beritahu SP1 bahawa dia tidak tahu beg hitam tersebut dan beg hitam tersebut bukan begnya dan bungkusan plastik hitam tersebut bukan barangnya.

[74] Kelakuan tertuduh selaras dengan dia tidak mempunyai pengetahuan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[75] Saya tidak boleh buat inferens daripada hal keadaan dalam kes ini bahawa tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[76] Saya dapati tertuduh tidak mempunyai pengetahuan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[77] Pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

[78] Pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh mempunyai jagaan atau kawalan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut dan gagal membuktikan tertuduh mempunyai pengetahuan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut. Maka, pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh mempunyai milikan ke atas dua pucuk pistol dan dadah tersebut.

Elemen (iii): Tertuduh Mengedar Dadah Tersebut (Kes No. 72)

[79] Hujahan peguam tertuduh:

(i) tertuduh tidak melakukan mana-mana perbuatan pengedaran seperti takrif pengedaran di bawah s. 2 ADB.

[80] Hujahan TPR:

(i) dadah kanabis dalam milikan tertuduh dan pendakwaan menggunakan anggapan di bawah s. 37(da)(vi) ADB untuk membuktikan tertuduh mengedar dadah kanabis tersebut.

[81] Pihak pendakwaan gagal membuktikan tertuduh mempunyai milikan ke atas dadah tersebut maka, anggapan pengedaran di bawah s. 37(da) ADB tidak boleh digunakan.

Siasatan SP12 dan SP13

[82] Hujahan peguam tertuduh:

(i) siasatan pihak polis yang cacat dan tidak lengkap memprejudiskan hak tertuduh untuk suatu perbicaraan adil sebagaimana dijamin di bawah per. 5 Perlembagaan Persekutuan;

(ii) suatu *Alcontara notice* telah dipenuhi oleh tertuduh yang mewajarkan satu siasatan terperinci, telus dan lengkap oleh pihak polis;

(iii) tiada fingerprint dusting dilakukan ke atas dua pucuk pistol dan pemegang pintu kereta Teana;

(iv) tiada siasatan atau keterangan diambil daripada Dato' Seri Anwar bin Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador walaupun tertuduh menyebut nama mereka dalam rakaman percakapan (D 19); dan

(v) dalam kes *Alcontara Ambross Anthony v. PP* [1996] 1 CLJ 705; *Rahmani Ali Mohamad v. PP* [2014] 7 CLJ 405 dan *PP v. Kwek Chen Wei* [2022] CLJU 2229, mahkamah memutuskan siasatan pihak polis yang tidak lengkap, memilih-milih dan cacat memprejudiskan hak tertuduh untuk suatu perbicaraan adil.

[83] Hujahan TPR:

(i) nama Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador yang tertuduh nyatakan dalam D19 bukan notis *Alcontara* kerana ia maklumat tanpa alasan kukuh;

(ii) pihak polis tidak mempunyai kewajipan di bawah undang- undang untuk menyiasat maklumat yang tiada alasan munasabah;

(iii) tiada keterangan menunjukan polis digunakan untuk melaksanakan tangkapan bagi dadah dan pistol yang diletakkan oleh seseorang;

(iv) SP12 dan SP13 telah melengkapkan siasatan bersesuaian dengan keterangan yang ada. Tidak relevan dalam pembuktian kes ini bagi SP12 dan SP13 menyiasat Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador;

(v) tiada keterangan menunjukkan dadah dan dua pucuk pistol tersebut diletakkan dalam kereta Teana oleh mana-mana individu yang tertuduh mempunyai kes sivil dengan mereka;

(vi) dalam kes *Rengarajan Thangavelu v. PP* [2015] 1 CLJ 993, Mahkamah Rayuan menyatakan maklumat yang terdapat dalam pernyataan beramaran tanpa maklumat yang tidak memadai berkenaan Pandian dan orang didakwa sepatutnya menerima dadah itu adalah satu cerita dan bukan notis *Alcontara* yang baik untuk meletakkan kewajipan ke atas pihak pendakwaan untuk disangkal.

[84] Saya tidak setuju dengan hujahan TPR bahawa nama Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador yang tertuduh nyatakan dalam D19 bukan suatu notis *Alcontara*.

[85] Pada pandangan saya apa yang tertuduh nyatakan dalam D19 bahawa dia mangsa yang diperangkap oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador adalah fakta versinya. Fakta versi tertuduh mengandungi maklumat mencukupi dan memenuhi suatu notis *Alcontara*. Fakta versi tertuduh menyatakan nama individu yang terlibat. Fakta versi tertuduh adalah suatu notis *Alcontara* yang meletakkan kewajipan kepada pihak pendakwaan untuk semak sama ada fakta versi tertuduh benar atau palsu.

[86] Fakta versi tertuduh bahawa dia mangsa yang diperangkap oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador adalah suatu dakwaan serius. Tertuduh menyatakan penglibatan Dato' Seri Anwar Ibrahim yakni Perdana Menteri Malaysia dan bekas Setiausaha Politiknya Farhash Wafa Salvador. Fakta versi tertuduh sewajarnya disiasat bagi mengesahkan sama ada benar atau palsu. Siasatan polis boleh memberikan keadilan kepada tertuduh jika fakta versinya benar dan juga keadilan kepada Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador yang mana boleh membersihkan nama mereka jika fakta versi tertuduh palsu.

[87] Dalam kenyataan beramaran (D18) yang dibuat pada 8 September 2024 iaitu dua hari selepas ditangkap tertuduh menyatakan:

> Saya Merupakan Mangsa Yang Telah Diperangkap Oleh PMX Iaitu Datuk Seri Anwar Ibrahim. Saya Percaya Ini Kerana Saya Pernah Membuat Laporan Polis Berhubung Gangguan Seksual Oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim Dan Kes Sivil Berhubung Gangguan Seksual Tersebut Masih Berjalan Di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Kes Senjatapi Dan Dadah Berlaku Setelah Peguam Saya Memfailkan Senarai Saksi. PMX Datuk Seri Anwar Ibrahim Pernah Memberitahu Kepada Media Bahawa Dia Tidak Akan Memaafkan Saya.dan Saya Juga Ingin Pihak Polis Melakukan Ujian Poligraf Berhubung Tangkapan Saya Berkait (2) Pucuk Pistol Dan Dadah Yang Ditangkap Pada 06/09/2024.

[88] Dalam percakapan dalam pemeriksaan (D19) yang dibuat pada 10 September 2024 iaitu empat hari selepas ditangkap tertuduh menyatakan:

> Saya Adalah Mangsa Yang Diperangkap Oleh Dato Sri Anwar Ibrahim Dan Farhash Wafa Salvador Merupakan Bekas Supol Dato Sri Anwar Ibrahim. Ini Kerana Mereka Menyimpan Dendam Terhadap Saya Kerana Membuat Laporan Polis Terhadap Dato Sri Anwar Ibrahim Berkaitan Dengan Kes Gangguan Seksual.

[89] Tertuduh telah menyatakan fakta versinya dalam D18 bahawa dia mangsa yang telah diperangkap oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan dalam D19 bahawa dia mangsa yang diperangkap oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim dan Farhash Wafa Salvador. Beban terletak pada pihak pendakwaan untuk semak sama ada fakta versi tertuduh dalam D18 dan D19, benar atau palsu.

[90] Dalam *Alcontara Ambross Anthony v. PP (supra)* Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

> ... that it was wrong for the Judge to have critised the defence for having failed to put to the Investigating Officer, the name of Che Mat or the latter's telephone number or his place of abode, for the simple reason that this particulars had been disclosed in the cautioned statement of the appellant made the day after his arrest so that the police had all the time in the world to check their veracity. That being the case, the onus was on the prosecution, to check on whether the appellant's version of the facts as they appeared in his cautioned statement and to which we have referred, was true or false. In other words, the onus was upon the prosecution to disprove this important part of the appellant version of the facts.

[91] Pihak polis mempunyai masa yang secukupnya untuk semak kebenaran fakta versi tertuduh dalam D18 dan D19. SP12 dan SP13 yang merupakan pegawai penyiasat mempunyai kewajipan untuk membuat siasatan bagi mengesahkan fakta versi tertuduh. Tetapi SP12 dan SP13 tidak membuat siasatan untuk mengesahkan fakta versi tertuduh.

[92] Fakta versi tertuduh selaras dengan maklumat spesifik yang diberikan oleh pemberi maklumat kepada SP1 mengenai pistol dalam kereta Teana dan lokasi kereta Teana diparkir. Kemungkinan pemberi maklumat yang meletakkan dua pucuk pistol dan atau dadah tersebut dalam kereta Teana atau individu lain yang meletakan dua pucuk pistol dan dadah tersebut dalam kereta Teana tidak boleh ditolak begitu sahaja. Tiada asas untuk SP12 menyatakan mustahil perangkap.

[93] Jelasnya siasatan SP12 dan SP13 dalam kes ini tidak menyeluruh.

[94] Kegagalan SP12 dan SP13 untuk membuat siasatan bagi mengesahkan fakta versi tertuduh telah menjejaskan hak tertuduh untuk suatu perbicaraan adil. Tertuduh mungkin dengan itu telah kehilangan peluang seadilnya yang terbuka kepadanya untuk dibebaskan dan telah berlaku kegagalan atau salah laksana keadilan.

[95] Dalam *Rahmani Ali Mohamad v. PP* (*supra*) Mahkamah Rayuan menyatakan seperti berikut:

> [16] In our judgment, the appellant's right to a fair trial has been compromised as a result of the failure of PW 8 to carry out investigation to verify the appellant's version of fact. The appellant may thereby have lost a chance which was fairly opened to him of being acquitted and that there had been occasioned a failure or a miscarriage of justice (see: *Mraz v. The Queen* [1955] 93 CLR 493 quoted with approval in *Lim Hock Boon* v. PP [2007] 4 CLJ 114; [2007] 1 MLJ 46).

A **Sama Ada Kes *Prima Facie* Dibuktikan**

[96] Setelah membuat suatu penilaian maksimum ke atas semua keterangan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan, saya dapati pihak pendakwaan gagal membuktikan suatu kes *prima facie* terhadap tertuduh bagi kedua-dua pertuduhan.

B

[97] Daripada semua keterangan yang ada di hadapan saya sekarang adalah tidak selamat untuk memanggil tertuduh membela diri atas kedua-dua pertuduhan dan saya tidak bersedia untuk mensabitkan tertuduh jika pembelaan dipanggil dan tertuduh memilih untuk berdiam diri.

C **Kesimpulan**

[98] Berdasarkan alasan di atas tertuduh dilepaskan dan dibebaskan daripada kedua-dua pertuduhan tanpa dipanggil untuk membela diri.

D

E

F

G

H

I